

## JEJAK LALUAN RINGKAS YANG DISARANKAN

Dari asal usulnya sebagai kebun tebu milik Konsul Amerika Joseph Balestier pada 1840-an, Balestier telah berkembang menjadi kawasan kejiranan dengan tanda tempat yang dibina oleh pelbagai masyarakat dan agama. Melalui tiga jejak tematik di bawah ini, teroka sejarah dan warisan kawasan Balestier, termasuk tapak yang kurang dikenali dan tersembunyi di lorong-lorong di sisinya.

### Tapak-Tapak Sejarah Balestier (45 minit; berjalan kaki)

Balestier Road mempunyai banyak tapak bersejarah, dari vila bergaya kolonial ke rumah kedai tradisional dan kuil-kuil. Jejak tematik ini memperkenalkan anda kepada beberapa tanda tempat yang telah membentuk Balestier Road dari zaman awal hingga baru-baru ini.



Mulakan perjalanan anda di **Dewan Peringatan Nanyang Sun Yat Sen**. Vila zaman penjajah ini pernah menjadi ibu pejabat Asia Tenggara, Tong Meng Hui (Perikatan Revolusi Cina) Dr Sun Yat Sen. Monumen Negara ini kini menempatkan galeri-galeri yang memaparkan peranan masyarakat Cina di luar negara dalam Revolusi Cina pada 1911. Seterusnya, kunjungi **Kuil Buddha Burma Maha Sasanaramsi** yang terletak di sebelah dewan ini di Tai Gin Road. Kuil ini ditubuhkan di Kinta Road pada 1878, sebelum dipindah ke sini pada 1991 dan menempatkan patung Buddha marmar terbesar di luar Myanmar.



yang dibina pada 1922 untuk menempatkan penjaja tepi jalan. Ia telah diubah untuk menjadi pusat makanan pada tahun 1990-an dan diberi status pemuliharaan pada tahun 2003. Anda mungkin ingin berhenti untuk makan di sini sebelum meneruskan perjalanan sepanjang Balestier Road. Setelah anda tiba di Pegu Rd, belok ke dalam untuk melihat **estet-estet perumahan yang disusun secara berderet yang dibina sebelum perang** yang dipelihara dan bangunan satu tingkat yang digunakan untuk menempatkan **bekas Klinik Sekolah Pergigian** yang beroperasi dari 1963 hingga pertengahan 1990-an.



Setelah meninjau kuil tersebut, jalan melalui Zhongshan Park dan belok kiri di Balestier Road. Di Boon Teck Road, anda akan melihat sebuah **kios air** dengan dua alat penyediaan air. Kios ini disediakan oleh **Thong Teck Sian Tong Lian Sin Sia**, sebuah kuil Buddha-Taoist yang ditubuhkan pada 1950. Kios ini menawarkan air atau teh secara percuma sebagai amal kebajikan dan khidmat sedemikian mungkin adalah yang terakhir di Singapura. Sila nikmati air minuman atau teh yang menyegarkan di sini dan kunjungi kuil yang terletak tidak jauh dari kios itu.



Kembali ke Balestier Road, anda akan menemui **rumah kedai Kwan Yow Luen** di persimpangan Jalan Kemaman. Dibina pada 1928 dan direka oleh Kwan Yow Luen, seorang arkitek tempatan yang terkenal dengan reka bentuk kedai-runcit tradisional. Rumah-rumah kedai ini kaya dengan hiasan yang mempunyai ciri-ciri plaster stucco terperinci, termasuk ukiran simbolik dua pengawal Sikh di fasad mereka.

Seterusnya, seberang jalan ke **Pasar Balestier**, sebuah bekas pasar luar bandar

### Kepercayaan, Filem dan Makanan (1.5 jam; berjalan kaki)

Kawasan Balestier mengandungi banyak tempat beribadah, perdagangan makanan tradisional serta tanda tempat dari Zaman Kegemilangan Filem Melayu. Jejak tematik ini membawa anda ke bangunan keagamaan, bekas studio filem serta tempat makan di sekitar kejiranan.



Mulakan perjalanan anda di **Kuil Goh Chor Tua Pek Kong** yang diasaskan pada 1847 oleh pekerja-pekerja Hokkien dari estet tebu yang dimiliki Joseph Balestier, Konsul Amerika pertama ke Singapura. Terletak di sebelah kuil itu adalah salah satu pentas wayang yang masih bertahan lagi di Singapura.



Seterusnya, terus ke Balestier Road dan menyeberang jalan ke Whampoa Drive. Di sepanjang Whampoa Drive, anda akan melalui rumah-rumah kedai yang dibina selepas perang yang telah dipulihara. Salah satu diantara rumah-rumah kedai adalah kedai Sing Hon Loong, sebuah kedai roti tradisional yang membakar dan menjual roti lebih dari setengah abad. Selepas rumah-rumah kedai itu, anda akan menemui bangunan setingkat yang menempatkan **Persatuan Kebajikan Orang Kurang Upaya**. Dulu, bangunan ini ialah Sekolah Rayman dari 1953 hingga 1984. Ia merupakan satu-satunya warisan peninggalan Estet Rayman yang dibina oleh Singapore Improvement Trust pada tahun 1940-an untuk menempatkan bekas penduduk setingkat.

Setelah itu, anda menyeberang Whampoa Drive ke **Whampoa Makan Place**. Tempat ini merupakan bekas tapak Pasar Rayman yang dibina pada 1952 untuk penduduk estet tersebut. Pada 1973, pasar ini digantikan dengan Pasar Whampoa, yang kemudian berkembang menjadi Whampoa Makan Place. Anda boleh menjamu selera di sini sebelum meneruskan perjalanan ke Kim Keat Lane, di mana anda akan menemui sebuah lagi kedai roti tradisional yang dikenali sebagai Sweetlands Confectionery yang menawarkan roti yang baru dibakar.

Belok kiri selepas kios dan anda akan menemui **rumah kedai Kwan Yow Luen**. Rumah-rumah kedai ini dibina pada 1928 oleh arkitek tempatan Kwan Yow Luen, dan juga menyediakan latar belakang kepada filem klasik 1955 P Ramlie, *Penarek Becha*. Anda boleh mengagumi fasad rumah-rumah kedai ini sebelum menyeberang jalan ke **Pasar Balestier**, yang merupakan salah satu pasar luar bandar yang masih bertahan lagi di Singapura. Pasar ini dibina pada 1922 untuk menempatkan penjaja tepi jalan. Bangunan yang dipulihara ini kini menempatkan sebuah pusat makanan yang popular dan anda boleh berhenti makan di sini sebelum pulang ke rumah.



berkhidmat kepada penduduk Islam dalam kawasan Balestier, dan dibina semula pada 1984 dan dinamakan sempena dermawan yang menyumbang dalam pembinaan kedua masjid itu.

Mengikuti itu, anda melintas Kim Keat Road dan menuju ke Penghubung Taman Whampoa dan dimana terletak **Sungei Whampoa**. Suatu masa dahulu terdapat banyak kilang rotan yang terletak ditepi sungai ini. Di Jalan Ampas, anda akan menemui **Kuil Phang Pheng Mei**, sebuah bekas dewan yang pernah digunakan sebagai rumah kepada penganut-penganut wanitanya. Tidak jauh dari kuil itu terdapat **Bekas Studio Penerbitan Filem Melayu Shaw Organization**, di mana bintang-bintang filem seperti P Ramlie dan Maria Menado membuat filem semasa Zaman Kegemilangan Filem Melayu pada 1950-an hingga 1960-an.

Kembali ke Penghubung Taman dan hala terus ke Jalan Kemaman, di mana anda akan menemui satu lagi dewan yang diberi nama **Chan Chor Min Tong**. Dewan ini ditubuhkan pada 1926 dan menempatkan penganut lelaki. Bangunan ini tidak dibuka kepada awam, namun anda boleh mengambil lorong di sebelah kanan kawasan itu untuk meninjau taman yang dipenuhi dengan tumbuhan perubatan. Lorong ini membawa anda ke Boon Teck Road, di mana akan boleh menemui kuil **Thong Teck Sian Tong Lian Sin Sia**. Ditubuhkan pada 1950, kuil ini menawarkan perkhidmatan keagamaan dan kabajikan termasuk **kios air** yang menawarkan air dan teh percuma di persimpangan Balestier Road dan Boon Teck Road.

Belok kiri selepas kios dan anda akan menemui **rumah kedai Kwan Yow Luen**. Rumah-rumah kedai ini dibina pada 1928 oleh arkitek tempatan Kwan Yow Luen, dan juga menyediakan latar belakang kepada filem klasik 1955 P Ramlie, *Penarek Becha*. Anda boleh mengagumi fasad rumah-rumah kedai ini sebelum menyeberang jalan ke **Pasar Balestier**, yang merupakan salah satu pasar luar bandar yang masih bertahan lagi di Singapura. Pasar ini dibina pada 1922 untuk menempatkan penjaja tepi jalan. Bangunan yang dipulihara ini kini menempatkan sebuah pusat makanan yang popular dan anda boleh berhenti makan di sini sebelum pulang ke rumah.



\*Kuil Phang Pheng Mei dan Chan Chor Min Tong tidak dibuka kepada orang ramai.

### Membangunkan Balestier (2 jam; dengan berjalan kaki)

Balestier memaparkan pelbagai seni bina seperti kuil-kuil, rumah-rumah kedai serta pelbagai bangunan yang pernah menjadi sebahagian daripada Hospital Tan Tock Seng. Jejak tematik ini membawa anda ke beberapa tanda tempat sedemikian dan kebanyakannya memenuhi keperluan agama, kediaman dan penjagaan kesihatan masyarakat.

Mulakan perjalanan anda di **Kuil Goh Chor Tua Pek Kong**, yang ditubuhkan pada 1847 oleh pekerja Hokkien yang bekerja di ladang tebu Joseph Balestier yang berhampiran. Dibina mengikut gaya Cina selatan, kuil ini merupakan tanda tempat tertua yang masih bertahan dan satu-satunya warisan peninggalan bekas estet Balestier. Di seberang jalan dari kuil ini, anda juga boleh melihat dua blok apartmen Art Deco yang dibina selepas perang dunia yang mempunyai fasad sudut yang menarik dengan siripnya yang tegak menyerlah, merupakan contoh unggul reka bentuk Art Deco.



Kemudian, anda berjalan sederet dengan Balestier Road sampai persimpangan Kim Keat di mana terletak **Balestier Point** di sebelah kiri. Bangunan berbagai penggunaan ini siap dibina pada 1986 dan diilhamkan oleh arkitek Canada, Moshe Safdie. Di seberang jalan, anda akan melihat **rumah kedai Sim Kwong Ho**. Kedai-kedai runcit ini dibina pada 1926 mengikut gaya hiasan yang dikenali sebagai baroque Cina dan mempunyai ciri-ciri kerja stucco plaster dan jubin yang berwarna-warni.

Seterusnya, belok ke Pegu Road dan anda akan bertemu dengan sebuah bangunan setingkat di sebelah kiri yang merupakan sebagai **bekas Sekolah Klinik Pergigian**, yang beroperasi dari 1963 hingga pertengahan 1990-an. Pegu Road juga merupakan tapak **rumah-rumah teres sebelum-perang** yang dipulihara pada 2003. Sebuah lorong di tepi rumah-rumah ini membawa anda ke Martaban Road dan menampilkan satu lagi deretan **rumah teres sebelum-perang** yang dipulihara, termasuk sebuah rumah (13 Martaban Road) yang digunakan pernah untuk menempatkan attendan-attendan Hospital Tan Tock Seng.



Teruskan perjalanan anda sederet Martaban Road ke persimpangan Minbu Road lalu ke kawasan lama Hospital Tan Tock Seng. Di sebelah kiri, anda akan melihat bahagian belakang **bekas Hospital Middleton** (kini Pusat Penyakit Berjangkit), yang dibuka pada 1913 untuk merawat pesakit yang menghidap penyakit berjangkit. Di sebelah kanan pula, anda akan melihat **bekas Hospital Mandalay Road**, yang digunakan untuk merawat pesakit batuk kering (tuberculosis) di Hospital Tan Tock Seng pada 1950-an.

Di penghujung Martaban Road, belok kiri ke Mandalay Road. Selepas tempat letak kereta di sebelah kiri, anda akan menemui **banglo mewah hitam putih** yang pernah digunakan sebagai kediaman Superintenden Perubatan dan kini sebuah kediaman peribadi. Di seberang jalan ialah **bekas Asrama Jururawat** (kini merupakan sebahagian Sekolah Perubatan Lee Kong Chian), sebuah bangunan neoklasik yang dibina pada 1924. Di sebelahnya ialah Bangunan Sains Klinikal yang baru dan mempunyai ruang di mana anda boleh menikmati pemandangan panorama kawasan tersebut.

Seterusnya, anda patah balik ke Mandalay Road dan tuju ke Bassein Road. Di sebelah kiri anda ialah **Chan Chor Min Tong**, dewan

penganut Buddha yang diasaskan pada tahun 1936 sebagai kediaman seakan biara untuk penganut-penganut perempuan. Anda boleh mengagumi seni bina gaya Kantonis pada bangunan itu sebelum meneruskan perjalanan di Bassein Road. Belok kanan selepas Jalan Tan Tock Seng dan anda akan melihat **bekas deretan wad pavilion** (juga dikenali sebagai wad Nightingale) di sebelah kiri yang menempatkan pesakit selepas Hospital Tan Tock Seng dipindahkan di sini pada 1909. Di hadapan wad yang di sebelah kanan anda ialah **rumah hitam putih** yang pernah menempatkan doktor kanan hospital itu.



Selanjutnya, anda menyeberang Balestier Road dan tuju ke Jalan Keamaman, lalu masuk ke lorong ini dan anda akan menemui satu lagi bekas dewan yang juga dikenali sebagai **Chan Chor Min Tong**. Ini berbeza dari dewan di Jalan Bassein kerana ia menempatkan para penganut lelaki. Ambil lorong di sebelah kanan dewan untuk melihat sebuah taman yang mengandungi banyak tumbuhan perubatan. Lorong ini akan membawa anda ke Boon Teck Road dan **Thong Teck Sian Tong Lian Sin Sia**. Kuil ini ditubuhkan pada 1950, untuk menawarkan perkhidmatan keagamaan dan kabajikan termasuk **kios air** yang menawarkan air dan teh percuma di persimpangan Balestier Road dan Boon Teck Road.

Setelah itu, anda menyeberang Whampoa Drive ke **Whampoa Makan Place**. Tempat ini merupakan bekas tapak Pasar Rayman yang dibina pada 1952 untuk penduduk estet tersebut. Pada 1973, pasar ini digantikan dengan Pasar Whampoa, yang kemudian berkembang menjadi Whampoa Makan Place. Anda boleh menjamu selera di sini sebelum meneruskan perjalanan ke Kim Keat Lane, di mana anda akan menemui sebuah lagi kedai roti tradisional yang dikenali sebagai Sweetlands Confectionery yang menawarkan roti yang baru dibakar.

Belok kiri selepas kios dan anda akan menemui **rumah kedai Kwan Yow Luen**. Rumah-rumah kedai ini dibina pada 1928 oleh arkitek tempatan Kwan Yow Luen, dan juga menyediakan latar belakang kepada filem klasik 1955 P Ramlie, *Penarek Becha*. Anda boleh mengagumi fasad rumah-rumah kedai ini sebelum menyeberang jalan ke **Pasar Balestier**, yang merupakan salah satu pasar luar bandar yang masih bertahan lagi di Singapura. Pasar ini dibina pada 1922 untuk menempatkan penjaja tepi jalan. Bangunan yang dipulihara ini kini menempatkan sebuah pusat makanan yang popular dan anda boleh berhenti makan di sini sebelum pulang ke rumah.


\*Kedua-dua Dewan Chan Chor Min Tong tidak dibuka kepada orang awam.

Jejak Warisan Balestier adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara untuk mendokumentasikan dan memperkenalkan sejarah dan kenangan sosial mengenai tempat-tempat di Singapura. Kami berharap ia dapat membawa kembali kenangan manis bagi mereka yang telah bekerja, tinggal atau beriadah di kawasan tersebut, dan agar ia menjadi suatu sumber maklumat yang boleh digunakan oleh pengunjung.



























Diokong oleh



Rumah teres di Pegu Road 1988. Daripada Koleksi Lee Kip Lin. Hak cipta terpelihara. Lee Kip Lin dan Lembaga Perustakaan Negara Singapura 2009



### HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES

- |   |   |   |   |   |  |   |   |  |   |  |  |   |
|---|---|---|---|---|--|---|---|--|---|--|--|---|
| <br>ART DECO APARTMENT BLOCKS   | <br>BALESTIER MARKET             | <br>BALESTIER POINT          | <br>BOON TECK ROAD WATER KIOSK               | <br>CHAN CHOR MIN TONG (AT BASSEIN ROAD) | <br>CHAN CHOR MIN TONG (AT JALAN KEMAMAN) | <br>CHURCH OF ST ALPHONSUS | <br>FORMER MALAY FILM PRODUCTIONS STUDIO | <br>FORMER MANDALAY ROAD HOSPITAL | <br>FORMER MIDDLETON HOSPITAL    | <br>FORMER NURSES' QUARTERS           | <br>FORMER PAVILION WARDS             | <br>FORMER RAYMAN SCHOOL                         |
| <br>FORMER SCHOOL DENTAL CLINIC | <br>GOH CHOR TUA PEK KONG TEMPLE | <br>KWAN YOW LUEN SHOPHOUSES | <br>MAHA SASANARAMSI BURMESE BUDDHIST TEMPLE | <br>MASJID HAJJAH RAHIMABI KEBUN LIMAU  | <br>PHANG PENG MEI TEMPLE                 | <br>PRE-WAR TERRACE HOUSES | <br>SENIOR POLICE OFFICERS' MESS         | <br>SIM KWONG HO SHOPHOUSES       | <br>SINGLE-STOREY TERRACED UNITS | <br>SUN YAT SEN NANYANG MEMORIAL HALL | <br>THONG TECK SIAN TONG LIAN SIN SIA | <br>WHAMPOA MAKAN PLACE AND FORMER RAYMAN ESTATE |

Untuk maklumat lanjut, sila muat turun Panduan Bimbingan Jejak Warisan Balestier dari [www.roots.sg](http://www.roots.sg).

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2018 National Heritage Board. All rights reserved.